

GARIS PANDUAN NAMA SYARIKAT

Garis panduan ini dikeluarkan menurut seksyen 20C Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001.

1. Garis panduan ini terpakai kepada semua permohonan untuk pendaftaran nama bagi pemerbadanan syarikat atau pendaftaran syarikat asing dan pertukaran nama syarikat atau syarikat asing.

OBJEKTIF

2. Garis panduan ini berfungsi sebagai panduan untuk membantu dan memudahkan pemohon yang ingin membuat tempahan nama bagi tujuan pemerbadanan syarikat atau menukar nama sedia ada.

KEPERLUAN AM NAMA SYARIKAT

3. Bagi tujuan memperbadankan syarikat dan menukar nama syarikat, pengesahan ketersediaan nama yang dicadangkan daripada Pendaftar mesti diperolehi. Dalam kes memperbadankan syarikat, pengesahan ketersediaan nama boleh dilakukan secara serentak semasa proses pemerbadanan.
4. Secara amnya, ketersediaan nama syarikat adalah tertakluk kepada seksyen 26 Akta Syarikat 2016. Nama itu akan tersedia jika nama itu—
 - (a) tidak wajar atau tidak boleh diterima;

- (b) tidak sama dengan nama entiti perniagaan sedia ada di bawah daftar yang disimpan menurut undang-undang yang ditadbir oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia;
 - (c) tidak sama dengan nama yang dirizabkan di bawah Akta Syarikat 2016; atau
 - (d) bukan sejenis nama yang Menteri telah mengarahkan Pendaftar supaya tidak menerima untuk pendaftaran.
5. Setelah berpuas hati bahawa nama itu bukan nama yang boleh ditolak atas apa-apa alasan yang disebut dalam subseksyen 26(1) Akta Syarikat 2016 dan setelah membayar fi yang ditetapkan, Pendaftar boleh menyimpan nama itu untuk tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh penyerahsimpanan permohonan atau tempoh yang lebih lama sebagaimana yang dibenarkan oleh Pendaftar.

NAMA SYARIKAT ASING

6. Syarikat asing hendaklah didaftarkan di bawah nama seperti yang didaftarkan di tempat asalnya tertakluk kepada ketersediaan nama di bawah seksyen 26 Akta Syarikat 2016.
7. Apa-apa pertukaran nama pada nama syarikat asing tidak boleh didaftarkan jika nama itu tidak tersedia di bawah seksyen 26 Akta Syarikat 2016.

PRINSIP-PRINSIP AM DAN CIRI-CIRI NAMA YANG BOLEH DITERIMA UNTUK PENDAFTARAN

8. Prinsip-prinsip berikut hendaklah dipatuhi semasa dalam menentukan nama syarikat:

- (a) Ejaan yang betul dan tatabahasa yang betul mesti digunakan;
- (b) Penggunaan campuran Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris dibenarkan jika penggunaannya adalah untuk menerangkan jenis perniagaan dan mesti mengikut tatabahasa yang betul;

Contoh:

- BB Construction Sdn. Bhd. (✓)
Construction BB Sdn. Bhd. (x)
 - Klinik Ria Hebat Sdn. Bhd. (✓)
Ria Hebat Klinik Sdn. Bhd. (x)
- (c) Jika nama mengandungi perkataan selain daripada Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris, makna perkataan tersebut mesti diberikan;
 - (d) Nama yang tidak mencaci atau mencela atau mungkin menyinggung perasaan orang awam;
 - (e) Nama yang tidak menyerupai unsur agama;
 - (f) Elakkan daripada menggunakan perkataan yang terlalu umum, contohnya, "Beautiful Sdn. Bhd.", "International Trading Sdn. Bhd.", "Ahmad Adam Sdn. Bhd." atau "Puncak Alam Sdn. Bhd.";

- (g) Hanya nama pengarah yang dinyatakan pada borang permohonan untuk diperbadankan boleh digunakan sebagai nama syarikat. Bukti perhubungan mesti diberikan jika nama individu lain dicadangkan untuk digunakan. Begitu juga, surat kebenaran mesti diperolehi daripada kumpulan syarikat yang nama individunya dicadangkan;
- (h) Penggunaan nama individu merujuk kepada nama pengarah atau ahli keluarga pengarah sahaja seperti yang dinyatakan pada kad pengenalan individu tersebut. Nama yang dikaitkan dengan tokoh sejarah tempatan atau asing, contohnya, Parameswara, Ibnu Sina, Abraham Lincoln dibenarkan;
- (i) Maksud perkataan yang baharu direka atau dicipta mesti diberikan;
- (j) Apabila menggunakan perkataan baharu yang direka tanpa maksud yang diketahui umum, surat kebenaran tidak diperlukan daripada syarikat sedia ada yang membawa perkataan ciptaan yang sama. Sebagai contoh 'Jellex' perkataan ciptaan, permohonan nama baru yang mengandungi perkataan 'Jellex' sebagai sebahagian daripada nama yang dicadangkan akan diproses seperti di bawah;

Contoh:

- Permohonan baru Jellex Assets Holding Sdn. Bhd. perlu melampirkan surat kebenaran daripada syarikat sedia ada Jellex Assets Sdn. Bhd. (berkaitan dengan syarikat induk yang telah berdaftar).

- Permohonan baru Jellex Trading Sdn. Bhd. tidak perlu memajukan surat kebenaran daripada Jellex Assets Sdn. Bhd. (syarikat sedia ada lain).

(k) Penggunaan simbol dalam nama syarikat adalah terhad kepada lima (5) simbol berikut sahaja dan mesti sesuai supaya ia menjadi sebahagian daripada nama syarikat:

(i) "&" (termasuk "dan", "and" and "N")

Contoh : D&T Services Sdn. Bhd.

(ii) "." (simbol "dot")

Contoh : Mr. John Trade Sdn. Bhd.

(iii) "-" (simbol "sempang").

Dibenarkan untuk kata ganda dan perkataan biasa yang menggunakan sempang.

Contoh : Kupu-Kupu Design Sdn. Bhd.

Focus Re-Engineering Sdn. Bhd.

(iv) "()" (simbol "kurungan")

Contoh : ZY Advertising (2017) Sdn. Bhd.

(v) "'" (simbol "apostrophe")

Contoh : Mum's Recipe Sdn. Bhd.

Dato' Yusoff Yahaya Trading Sdn. Bhd.

(l) Perkataan "Malaysia" atau nama negeri di Malaysia pada permulaan nama tidak dibenarkan melainkan terdapat kepentingan Kerajaan Persekutuan/Negeri dalam syarikat itu atau dengan persetujuan pihak berkenaan;

- (m) Perkataan "Company", "Co" atau "Syarikat" dilarang digunakan sebagai sebahagian daripada nama syarikat; dan
- (n) Perkataan "Corporation", "Corp", "Perbadanan", "Incorporated", "Diperbadankan", "Incorporation", "Incorp", "Inc", "Pemerbadanan", adalah dilarang penggunaannya melainkan terdapat kepentingan kerajaan dalam syarikat dan surat kebenaran daripada Kementerian yang berkenaan hendaklah dikemukakan. Walau bagaimanapun, perkataan tersebut dibenarkan jika ianya berkaitan dengan pendaftaran syarikat asing atau untuk pertukaran syarikat sedia ada di mana nama sedia ada membawa perkataan sedemikian.

9. Nama mestilah bukan akronim yang boleh dikelirukan dengan nama yang dikaitkan dengan yang berikut:

- (a) Akronim yang bermaksud institusi pengajian tinggi

Contoh:

UiTM, UTM, UM, UKM, UPM, UUM, USM, UIA, UNIMAS, UMS, UIAM, UPSI, UMT, UMP, UTEM, UNIMAP, UTHM.

- (b) Akronim singkatan untuk agensi Kerajaan Persekutuan atau Negeri atau Syarikat Milik Kerajaan (GLC)

Contoh:

SSM, CCM, JKR, JPA, JPM, BNM, KPDNKK, SEDC, PKEN, SIRIM, TNB, PNB, FELDA, FELCRA, PETRONAS, SKM, MYCC, MIDA, KWSP, LHDN, PERKESO, MARDI, RISDA.

NAMA YANG TIDAK WAJAR ATAU TIDAK BOLEH DITERIMA

10. Pendaftar mempunyai budi bicara penuh dalam menentukan sama ada sesuatu nama itu tidak wajar atau tidak boleh diterima. Dalam melaksanakan budi bicara tersebut, Pendaftar boleh menentukan bahawa sesuatu nama tidak wajar atau tidak boleh diterima jika-
- (a) ia mengandungi perkataan yang lucah;
 - (b) ia bertentangan dengan dasar awam termasuk nama yang dinyatakan dalam Perenggan 4;
 - (c) ia berkemungkinan menyinggung mana-mana bahagian tertentu sesuatu komuniti atau mana-mana agama tertentu; or
 - (d) ia mengelirukan tentang identiti, sifat, objek atau tujuan syarikat atau dalam apa-apa cara lain.

NAMA YANG SAMA

11. Dalam menentukan sama ada nama syarikat adalah sama dengan yang lain, perkara berikut hendaklah diabaikan:
- (a) "The", di mana ia adalah perkataan pertama pada nama;
 - (b) "Sendirian", "Sdn", "Berhad", "Bhd", "PLT" dan "Perkongsian Liabiliti Terhad";
 - (c) Perkataan dan ungkapan berikut yang terdapat di hujung nama: "Company", "Co", "Syarikat", "Corporation", "Corp", "Perbadanan", "Incorporated", "Diperbadankan", "Incorporation", "Incorp", "Inc", "Pemerbadanan", "Holding", "Group", "Kumpulan", "Malaysia", "(M)", "Msia", "Consortium", "Konsortium", "Consolidated";

Tiga (3) jenis faktor dalam menentukan sama ada perkataan di atas diambil kira:

Contoh 1:

Zip Legacy Sdn. Bhd. (sedia ada)

Zip Legacy Malaysia Sdn. Bhd. (permohonan baharu)

Penggunaan perkataan "Malaysia", "(M)", "MY", "Msia" (di hujung nama syarikat) dalam permohonan baharu tidak membezakannya dengan nama syarikat yang sedia ada. Oleh yang demikian, permohonan baharu tidak boleh dipertimbangkan walaupun surat kebenaran disertakan.

Contoh 2:

Zip Legacy (M) PLT (sedia ada)

Zip Legacy Consolidated Sdn. Bhd. (permohonan baru)

Permohonan baharu boleh dipertimbangkan sekiranya surat kebenaran daripada PLT sedia ada iaitu Zip Legacy (M) PLT. disertakan.

Perkataan "Holding", "Group", "Kumpulan", "Consortium", "Konsortium", "Consolidated" boleh membezakan nama yang baharu dipohon dengan nama syarikat sedia ada.

Contoh 3:

Zip Legacy (Sabah) Sdn. Bhd. (sedia ada)

Zip Legacy Inc Sdn. Bhd. (permohonan baharu)

Permohonan baharu akan dipertimbangkan sekiranya surat kebenaran daripada Kerajaan Persekutuan/ Kerajaan Negeri/ Agensi Kerajaan yang berkaitan. Perkataan "Company", "Co",

“Syarikat”, “Corporation”, “Corp”, “Inc”, ‘Incorp”, “Incorporated”, “Incorporation”, “Perbadanan”, “Diperbadankan”, “Pemerbadanan” adalah dilarang penggunaannya melainkan terdapat kepentingan kerajaan dalam syarikat dan surat kebenaran daripada Kerajaan Persekutuan/ Kerajaan Negeri/ Agensi Kerajaan yang berkaitan perlu disertakan. Rujuk subperenggan 8(n).

- (d) Mana-mana perkataan atau ungkapan yang, pada pendapat Pendaftar, bertujuan untuk mewakili mana-mana perkataan atau ungkapan dalam subperenggan (c);
- (e) Versi jamak (plural) bagi nama tersebut;
- (f) Kata dasar yang membawa maksud yang sama;

Contoh:

- (i) Consultancy, Consultants, Consults
 - (ii) Technology, Technologies, Tech
 - (iii) Trade, Trading, Trader
- (g) Jenis dan kes huruf, jarak antara huruf dan tanda baca;
 - (h) Simbol “&” dianggap mempunyai makna yang sama dengan perkataan “and” ataupun “dan”;
 - (i) Penggunaan semula nama syarikat yang telah dibubarkan melalui tindakan pemotongan nama syarikat dan juga perintah mahkamah/ penggulungan sukarela di bawah seksyen 549 Akta Syarikat 2016 (AS 2016) adalah DIBENARKAN (tertakluk kepada ketersediaan nama):

- Selepas tujuh (7) tahun dari tarikh pembubaran (melalui pemotongan nama syarikat) di bawah subseksyen 555 (1) AS 2016; dan
- Selepas dua (2) tahun dari tarikh pembubaran (melalui perintah mahkamah/ penggulungan sukarela) di bawah subseksyen 535(1) AS 2016.

Manakala penggunaan semula nama Perkongsian Liabiliti Terhad yang telah dibubarkan sama ada melalui pembatalan nama atau penggulungan dibenarkan selepas dua (2) tahun pembubaran di bawah seksyen 52, Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 (APLT 2012).”;

(j) Penggunaan semula nama syarikat atau Perkongsian Liabiliti Terhad yang digunakan sebelum ini dibenarkan tertakluk kepada:

(i) jika nama terdahulu (nama lama) tidak lagi digunakan dan tempohnya telah melebihi dua belas (12) bulan, nama tersebut boleh digunakan tanpa surat kebenaran;

(ii) jika tempoh untuk tidak menggunakan nama terdahulu (nama lama) masih dalam tempoh dua belas (12) bulan, surat kebenaran hendaklah disertakan; dan

(k) Penggunaan semula nama perniagaan yang telah tamat tempoh atau ditamatkan:

(i) dibenarkan selepas dua belas (12) bulan dari tarikh tamat perniagaan; dan

- (ii) dibenarkan jika perniagaan telah ditamatkan apabila pemberitahuan berkaitan telah diserahkan kepada Pendaftar.

NAMA YANG DILARANG DI BAWAH ARAHAN MENTERI

12. Menteri telah mengarahkan Pendaftar untuk tidak menerima nama-nama berikut untuk pendaftaran:

- (a) Nama yang dicadangkan menunjukkan hubungan dengan ahli keluarga Diraja atau naungan Diraja termasuk nama yang mengandungi perkataan seperti "Diraja", "Raja", "Permaisuri", "Putera", "Puteri", "Mahkota", "Pemangku Raja", "Regent" atau "Imperial";

Pendaftar boleh mempertimbangkan permohonan untuk penggunaan nama yang dinyatakan dalam perenggan 12(a) di atas tertakluk kepada kriteria berikut:

- (i) Perkataan itu merujuk kepada nama tempat seperti "Putra Nilai" atau "Taman Mahkota";
- (ii) Perkataan menunjukkan saiz produk yang diniagakan seperti "king-sized roof" atau jenama seperti "Musang King";
- (iii) Perkataan itu merujuk kepada nama individu atau nama pengarah sahaja seperti "Sultan Ali" atau "John King" merujuk kepada dokumen pengenalan diri individu tersebut; atau

- (iv) Mengikut budi bicara Pendaftar, alasan yang diberikan oleh pemohon tidak menunjukkan apa-apa kaitan dengan ahli keluarga Diraja atau naungan Diraja.
- (b) Nama yang dicadangkan mempunyai kaitan dengan Jabatan Kerajaan Negeri atau Persekutuan, Badan Berkanun, Pihak Berkuasa atau Agensi Kerajaan atau mana-mana Majlis Perbandaran atau Pihak Berkuasa Tempatan yang lain, termasuk nama yang mengandungi perkataan seperti "Persekutuan", "Negeri" atau "Kebangsaan";
- (c) Nama yang dicadangkan mempunyai kaitan dengan mana-mana ASEAN, Komanwel atau kerajaan asing atau dengan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu atau dengan mana-mana organisasi antarabangsa lain atau kartel termasuk nama yang mengandungi perkataan "ASEAN", "UNESCO", "NATO", "EEC", atau "OPEC";
- (d) Nama yang dicadangkan mempunyai kaitan dengan mana-mana parti politik, pertubuhan, kesatuan sekerja, koperasi atau *'building society'*;
- (e) Nama termasuk perkataan berikut atau mana-mana perkataan yang serupa:
"Bank", "Banker", "Perbankan", "Bumiputra", "Biro", "Dewan Perniagaan dan Industri", "Dewan Pengilang", "Chartered", "Kolej", "Pengguna", "Majlis", "Kredit", "Pertukaran", "Executor", "Harga Patut", "Kewangan", "Yayasan", "Dana", "Jaminan", "Institut", "Insurans", "Pelaburan", "Pajakan", "Buatan Malaysia", "Prime", "Registry", "Perbendaharaan", "Amanah", "Unit Amanah", atau "Universiti".

13. Sekiranya pemohon atau penganjur syarikat (promoter) mempunyai justifikasi untuk menggunakan nama atau perkataan yang terkandung dalam Arahan tersebut, pemohon atau penganjur tersebut bolehlah membuat rayuan melalui [surat rayuan rasmi](#) kepada Menteri di bawah subseksyen 27(3) Akta Syarikat 2016 melalui Pendaftar dengan menyatakan sebab atau justifikasi untuk menggunakan nama atau perkataan tersebut sebagai sebahagian daripada nama yang dicadangkan oleh syarikat, berserta dengan bayaran fi permohonan rayuan sebanyak RM300.
14. Bagi perkataan yang dikawal oleh Pihak Berkuasa, surat kebenaran diperlukan semasa memohon nama tersebut. Sila rujuk **Lampiran 1**.

ARAHAN TUKAR NAMA SYARIKAT

15. Di bawah peruntukan seksyen 29(1) Akta Syarikat 2016, Pendaftar mempunyai kuasa untuk mengarahkan syarikat menukar namanya jika dia percaya atas alasan yang munasabah bahawa nama syarikat yang telah didaftarkan itu tidak sepatutnya didaftarkan.
16. Setelah menerima notis Arahan Tukar Nama, syarikat diberi tempoh selama enam puluh (60) hari atau tempoh lanjut yang dibenarkan oleh Pendaftar, untuk mematuhi arahan tersebut. Sekiranya syarikat gagal mematuhi arahan, Pendaftar mempunyai kuasa di bawah seksyen 29(2) Akta Syarikat 2016 untuk menukar nama syarikat kepada nombor pendaftaran syarikat atau mana-mana ungkapan yang diberikan oleh Pendaftar.

RAYUAN TERHADAP KEPUTUSAN PENDAFTAR

17. Di bawah subseksyen 27(3) Akta Syarikat 2016, jika pemohon atau penganjur syarikat terkilan dengan keputusan Pendaftar dalam mengesahkan ketersediaan nama, dia boleh dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh keputusan Pendaftar, merayu kepada Menteri yang keputusannya adalah muktamad.

18. Rayuan kepada Menteri hendaklah menyatakan alasan dan justifikasi penggunaan nama, berserta bayaran sebanyak RM300.00.

PENDAFTAR

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

25 JUN 2024

Pihak Berkuasa

Pihak berkuasa atau agensi rujukan yang disenaraikan di bawah adalah juga badan pengawal bagi perkataan tertentu sama ada secara perundangan atau melalui mandat kerajaan. Pemohon boleh menyemak sama ada perkataan yang ingin digunakan disenaraikan sebagai kata kawalan oleh pihak berkuasa atau agensi tersebut.

Sekiranya pemohon ingin meneruskan menggunakan perkataan yang di kawal, sila lampirkan dokumen sokongan daripada pihak berkuasa yang terlibat sebelum meneruskan permohonan carian nama di MyCoID.

1. Board of Architects Malaysia / Lembaga Arkitek Malaysia (LAM)

Nama yang dicadangkan mengandungi perkataan "Architect", "Arkitek", "Arkitek", "Perekabentuk Dalaman", "Rekabentuk Dalaman", "Interior Designer", "Interior Design" dan dengan sijil arkitek bertauliah.

<http://lam.gov.my/>

2. Board of Engineers Malaysia / Lembaga Jurutera Malaysia (LJM)

Nama yang dicadangkan mengandungi perkataan "Engineer" atau "Jurutera" dan dengan sijil jurutera bertauliah.

<http://bem.org.my/>

3. Board of Valuers, Appraisers, Estate Agents and Property Managers / Lembaga Penilai, Pentaksir, Ejen Harta Tanah dan Pengurus Harta (LPPEH)

Cadangan nama yang mengandungi perkataan "Juru Ukur", "Jurukur", "Penilai", "Pentaksir", "Surveyor", "Ahli Ekonomi Tanah", "Perunding Harta", "Pengurus Harta", "Estate Agent", "Property Agent", "Valuer", "Appraiser", "Estate Agency", "Agen Harta Tanah", "Agen Perumahan" atau "Urus Harta".

<https://lppeh.gov.my/>

4. Central Bank Of Malaysia / Bank Negara Malaysia (BNM)

Nama cadangan dan aktiviti yang mengandungi perkataan "BNM", "Money Broker", "Money Changer", "Money Exchange", "Pengurup Wang", "Peniaga Mata Wang Asing", "Takaful", "Tukaran Mata Wang", "Tukaran Mata Wang Asing", "Bureau De Change", "Exchange", "Bank", "Finance", "Merchant Bank", "Insurance", "Assurance", "Foreign Exchange", "Foreign Exchange Broker", "Currency Exchange", "Forex", "Forex Exchange", "Insurer", "Assurer", "Deposit Taking", "Loss Adjuster", "Remittance", atau "Building Credit Development Finance".

<https://www.bnm.gov.my/>

5. Civil Aviation Authority of Malaysia / Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM)

Nama cadangan yang mengandungi perkataan atau akronim berkaitan udara seperti "Aerospace", "Air", "Airspace", "Aviation", "Airline", "Airways", "Aircraft", "Airport", "Aero" atau "Aviator".

<https://www.caam.gov.my/>

6. Department of Islamic Development Malaysia / Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

Nama cadangan dan aktiviti yang mengandungi perkataan "Amil", "Baitumal", "Crypto", "Faraid", "Halal", "Islam", "Madinah", "Masjid", "Mustaqim", "Mukjizah", "Wasiat", atau Ehram"

<https://www.islam.gov.my/>

7. Institute Integrity of Malaysia / Institut Integriti Malaysia (IIM)

Nama cadangan yang mengandungi perkataan "Integriti", "Intergriti", "Integrity" atau Intergrity".

<https://integriti.my/>

8. Institute of Islamic Understanding Malaysia / Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)

Nama cadangan yang mengandungi perkataan "IKIM", "IKIM FM" atau "IKIMFM".

<https://www.ikim.gov.my/>

9. Iskandar Regional Development Authority (IRDA)

Nama cadangan mengandungi perkataan "IRDA" atau "Iskandar Malaysia".

<https://www.irda.com.my/>

10. Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC)

Permohonan nama yang mengandungi perkataan yang dikawal oleh MDEC seperti "Ciber", "Cyber", "MSC", "Multimedia Super Corridor", "Cyberjaya" "Malaysia Digital", "Saiber", "Siber", atau "Syber".

<https://mdec.my/>

11. Malaysian Institute of Accountants (MIA)

Nama cadangan dan aktiviti yang mengandungi perkataan "Accountant", "Accounting", "Auditor", "Public Accountant", "Tax", "Tax Advisor", "Tax

Consultant", "Taxation", "Akauntan", "Cukai", "Perakaunan", "Percukaian", atau "Perunding Cukai".

<https://www.mia.org.my/>

12. Malaysian Investment Development Authority (MIDA)

Nama yang mengandungi perkataan "MIDA".

<https://www.mida.gov.my/>

13. Ministry of Education / Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

Nama yang mengandungi perkataan "School", "Sekolah", "Tadika", "Prasekolah" atau "Pusat Bahasa"

<https://www.moe.gov.my/>

14. Ministry of Foreign Affairs Malaysia - Asean-Malaysia National Secretariat (AMNS)

Nama cadangan yang mengandungi perkataan "Association of Southeast Asian Nations" atau "ASEAN".

<https://asean.org/about-us/asean-name/>

15. Ministry of Housing And Local Government / Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT)

Nama cadangan dan aktiviti yang mengandungi perkataan "Pajak Gadai", "Pemberi Pinjam Wang", "Peminjam Wang", "Kredit", "Credit", "Money Lender", "Pawnbroker", "Pawnbroking" atau mana-mana istilah lain yang sama.

<https://www.kpkt.gov.my/>

16. Ministry of Higher Education / Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)

Nama cadangan mengandungi perkataan "College", "Institute", "University", "Kolej", "Institut", atau "Universiti".

Pengawalan perkataan "Institute" atau "Institut" hanya tertakluk kepada bidang berkaitan pendidikan tinggi di Malaysia.

<https://www.mohe.gov.my>

17. Ministry of Health of Malaysia / Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)

Nama cadangan atau aktiviti yang mengandungi perkataan "Hospital", "Medical Clinic/ Centre", "Dental", "Pharmacy", "Optometris", "Juruoptik", "Klinik", "Alternative Medical", "Perubatan Alternatif", "Perubatan

Traditional”, “Traditional Medicine”, “Optik / Optic” atau apa-apa terma yang berkaitan. Pemohon harus mendapatkan sijil kelulusan KKM.

<https://www.moh.gov.my/>

Perubatan Tradisional dan Komplementari (PT&K):

<https://tcm.moh.gov.my/>

18. Ministry of Tourism, Arts & Culture / Kementerian Pelancongan, Seni Dan Budaya (MOTAC)

Permohonan nama yang mengandungi perkataan yang dikawal oleh MOTAC seperti “Butik Hotel”, “(MM2H)”, “Home Stay”, atau “Homestay”.

<https://www.motac.gov.my/>

19. Prime Minister’s Department of Malaysia (JPM)

Nama cadangan yang mengandungi perkataan “Dinar” atau “Jalur Gemilang”.

<https://www.jpm.gov.my/>

20. Securities Commission Malaysia / Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC)

Nama cadangan yang mengandungi perkataan “Securities Trading Market”, “Future Broker”, “Future Trading Adviser”, “Futures Exchange”, “Stock Market”, “Stock Exchange”, “Derivatives Exchange”, “Derivatives Market”, or “Derivatives Trading Market”.

Selain itu, sebarang nama, gelaran atau perihalan yang membayangkan atau cenderung untuk mewujudkan kepercayaan bahawa orang tersebut ialah organisasi yang mengambil bahagian atau ahli gabungan organisasi yang mengambil bahagian atau orang tersebut ialah pemegang bursa, bursa saham atau bursa derivatif atau orang tersebut dilesenkan untuk membawa pada perniagaan atau melaksanakan apa-apa fungsi berhubung dengan apa-apa aktiviti terkawal seperti yang dinyatakan dalam Jadual 2 Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007.

<https://www.sc.com.my/>

21. Perbadanan Putrajaya (PPJ)

Nama cadangan yang mengandungi perkataan “Putrajaya”.

<https://www.ppj.gov.my/>

22. Malaysia Co-operative Societies Commission / Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)

Nama cadangan yang mengandungi perkataan "Koperasi", "COOP" atau "KOOP".

<https://www.skm.gov.my/index.php/my/>

23. Labuan Financial Services Authority (LABUAN FSA)

Nama cadangan yang mengandungi perkataan "LOSFA" atau "Labuan Offshore",

<https://www.labuanfsa.gov.my/>

TARIKH KEMASKINI: 17 SEPTEMBER 2024